

# Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Jamadilakhir- Rejab 1443/ Febuari 2022

# ACIS



Semangat  
**KESUKARELAWANAN**  
Bantu Membangunkan  
Kepimpinan Mahasiswa  
Pasca-Pandemik

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Nur Sofiah binti Suhaimi

### Sidang Pengarang:

Nur Dayana Balqis binti Norul Azizi &  
Nurul Nisha binti Mohd Shah  
Siti Nur Husna binti Abd Rahman  
Noor Radhwa binti Marwan  
Suhaila Sharil

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan  
artikel akademik atau apa-apa  
hasil karya?

Hantarkan ke  
[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-40 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah “**Semangat Kesukarelawanan Bantu Membangunkan Kepimpinan Mahasiswa Pasca-Pandemik**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

## Isi Kandungan

Semangat Kesukarelawanan Bantu Membangunkan Kepimpinan Mahasiswa Pasca-Pandemik 3

*Fiqh Waqi’ & Fiqh Al-Muwazanat* 5

Latihan Industri Membuka Minda Pelajar 8

Webinar Pelajar Antarabangsa 2021 9

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

# Semangat Kesukarelawanan Bantu Membangunkan Kepimpinan Mahasiswa Pasca-Pandemik

Oleh:

**Nur Dayana Balqis binti Norul Azizi**

Exco Pembangunan Mahasiswa, Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban Sesi 2021/2022

**Nurul Nisha binti Mohd Shah**

Ketua Unit Kepimpinan Pelajar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Mahasiswa dalam ilmu pendidikan ialah individu yang sedang menuntut ilmu di peringkat pembelajaran yang lebih tinggi seperti di universiti. Mereka dilihat sebagai insan yang mempunyai daya berfikir yang tinggi, kemampuan berfikir secara kritis dan mampu berfikir dengan cepat sebelum bertindak, sekali gus memainkan peranan sebagai penerus budaya kesarjanaan dalam masyarakat.

Oleh itu, mahasiswa hari ini yang merupakan pemimpin masa hadapan perlu menimba ilmu, menyerlahkan idea dan pandangan mereka dengan cara melibatkan diri dengan membantu dan menyelami kesukaran hidup rakyat, membantu sebaik mungkin dalam menaikkan taraf hidup mereka dan masyarakat, seterusnya meneraju kesejahteraan negara pada masa hadapan. Akal budi mahasiswa turut dilihat sebagai cerminan sahsiah dan akhlak dalam membangunkan generasi muda. Sudah terang lagi bersuluh bahawa mahasiswa bukan hanya memberikan impak kepada lingkungan mereka, bahkan turut menjadi inspirasi kepada kemajuan bangsa.

Mahasiswa sebagai agen perubahan harus memiliki tekad dan semangat yang kuat untuk menjana transformasi ke arah yang lebih baik. Menanamkan nilai positif dalam diri sendiri merupakan langkah awal untuk memberikan sumbangan kepada orang lain. Perubahan ini digarap melalui pengetahuan, keterampilan dan idea kreatif. Mahasiswa juga menjadi penanda aras kepada kelangsungan hidup masyarakat. Wahana yang paling utama dalam kalangan mahasiswa pula adalah kelompok kepimpinan mahasiswa. Kepimpinan mahasiswa adalah platform terbaik untuk melakukan pelbagai aktiviti berimpak tinggi kepada masyarakat. Namun, era kepimpinan mahasiswa kini disifatkan sebagai satu era kepimpinan yang cukup berbeza berbanding sebelum ini susulan daripada negara berhadapan dengan pandemik Covid-19.

Dalam norma baharu ini, daya kepimpinan mahasiswa di segenap institut pengajian tinggi awam mahupun swasta menuntut kepada kepimpinan yang luar biasa bagi membolehkan pemimpin masa hadapan ini kekal relevan. Mahasiswa perlu bijak mengatur strategi dalam mencapai kecemerlangan akademik dan kemahiran interpersonal (*soft skill*) untuk perkembangan mahasiswa yang holistik. Keseimbangan ini akan menjadi faktor utama pemilihan majikan dan organisasi kerjaya masa hadapan. Mahasiswa yang aktif dalam aktiviti khidmat sosial mempunyai nilai tambah untuk mereka mencebur alam pekerjaan yang sebenar. Kelebihan mahasiswa yang cenderung dan



aktif dalam pelbagai aktiviti khidmat sosial ini dilihat mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi, daya kepimpinan yang ampuh, semangat kerjasama yang baik dan memiliki sikap toleransi. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam usaha memperluaskan kegiatan kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa ini.

Bukan sahaja minda mahasiswa yang perlu berubah, malah transformasi minda secara konsisten dengan menyediakan ruang dan peluang yang luas serta dana yang mencukupi oleh pihak kerajaan dan swasta, institusi-institusi pengajian, badan-badan bukan kerajaan serta komuniti turut diperlukan. Mahasiswa yang bertindak sebagai sukarelawan pada kebiasaannya akan lebih telus memberikan kritikan, saran dan solusi ketika terdapat hal yang tidak sesuai dengan nilai luhur dan cita-cita bangsa. Dengan keaktifan mahasiswa, diharapkan kepimpinan mereka turut memiliki kebijaksanaan bahkan mereka perlu kompeten dan berkualiti. Semangat kesukarelawanan melalui pelbagai bentuk khidmat sosial secara sukarela kini giat dijalankan di peringkat global.

Di Malaysia, penglibatan mahasiswa dalam menggembrelleng tenaga sebagai sukarelawan ini telah membuka mata pelbagai pihak atas usaha yang disumbangkan kepada masyarakat setempat mahupun di peringkat antarabangsa.

Tahun 2020, warga dunia diuji dengan pelbagai musibah, begitu juga negara kita Malaysia. Selain bencana seperti banjir, ribut, tanah runtuh, kita turut menyaksikan COVID-19 menggoyahkan keamanan sarwajagat. Di saat kritis ini, sifat kesukarelawan menjadi tuntutan terpuji dalam masyarakat. Tanggungjawab mahasiswa bukan hanya menuntut ilmu, mahasiswa turut dididik di universiti menerusi pelbagai program kesukarelawan dalam dan luar kampus termasuk di luar negara. Penglibatan sebegini juga menumbuhkan semangat cintakan negara dan menghargai nikmat kurniaian Ilahi.



Kesukarelawan merupakan sebuah cara yang mudah dan seronok dalam meneroka minat dan keinginan. Semasa melakukan kerja-kerja sukarela, secara tidak langsung membuka peluang bagi kita untuk merasai makna di sebalik setiap tugas yang dilakukan. Kesukarelawan membantu individu untuk membina keyakinan diri sebagai contoh apabila di suatu kawasan telah ditimpa bencana, para sukarelawan bersedia untuk memberi bantuan. Hal ini akan melahirkan sukarelawan yang berkualiti dan percaya diri. Kesukarelawan memberikan seseorang motivasi dan visi yang dapat diperbaharui yang mampu memberi kesan secara individu terhadap kehidupan. Tuntasnya, ciri-ciri kepimpinan akan tumbuh secara kendiri dalam diri dan merupakan citra bahawa kesukarelawan mempunyai nilai peribadi yang menginspirasi orang lain untuk melakukan perubahan meskipun dimulakan dengan sebuah kebaikan yang kecil.

Kesukarelawan harus menjadi identiti mahasiswa. Mahasiswa merupakan golongan berpendidikan tinggi yang mampu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat. Hal ini merupakan modal sosial yang apabila dikembangkan dengan baik akan membantu membangun kompetensi sumber daya manusia (SDM) yang lebih baik, mengubah struktur masyarakat ke arah yang lebih berdaya maju, menciptakan pengurusan sosial yang lebih sihat dan kepemimpinan sosial serta politik yang mengutamakan kemajuan di segenap peringkat. Sebagai konsep yang diterima sebagai kearifan lokal dan tradisi yang diwariskan antara generasi, kesukarelawan bertransformasi mengikut perubahan zaman, globalisasi, konflik sosial dan politik. Prinsip dasar sukarelawan tidak berubah iaitu menggerakkan solidariti sosial dan menciptakan kohesi sosial dalam kehidupan bangsa yang akan terus relevan untuk diterapkan. Elemen ini jika

diwarisi oleh pimpinan masa depan negara ini nanti, pastinya akan tumbuh pemimpin generasi baru yang berminda global tetapi tetap berpaksikan bumi tercinta ini.

Inisiatif sukarelawan mahasiswa membantu warga yang terkesan pasca pandemik ini baik aspek kesihatan maupun prasarana dan ekonomi sebenarnya didorong oleh rasa empati, solidariti dan semangat kolektif yang telah muncul sejak di awal fasa pandemik. Tenaga dan dana yang mereka hulurkan meninggalkan impak yang amat besar kepada setiap organisasi. Hal ini menunjukkan betapa para mahasiswa ini mampu mengorganisasi sesuatu perkara dalam apa-apa situasi sekali pun. Selain meningkatkan rasa kepuasan dalam diri masing-masing, bantuan yang dihulurkan dapat meningkatkan rasa kepuasan dalam diri yang akhirnya merangsang minda untuk menjadi mahasiswa yang lebih cergas dan cerdas. Bukan itu sahaja, menyertai kesukarelawan mahasiswa merupakan langkah bijak dalam usaha meningkatkan jaringan dan jalinan sosial. Melalui kutipan bantuan dana, bantuan tenaga, perkongsian ilmu dan pemindahan teknologi usaha murni ini sekaligus dapat menerapkan hubungan yang lebih positif di antara mahasiswa dan komuniti di peringkat tempatan maupun global dengan wujudnya sikap kerjasama, kepercayaan dan rasa hormat yang tinggi.

Lantaran itu, menerusi aktiviti kesukarelawan, kehebatan kepimpinan, keterampilan, pemikiran, pengorbanan, keperibadian dan keberanian mahasiswa boleh dijadikan sebagai contoh kepada masyarakat. Sedar atau tidak, mahasiswa harus diperkuuhkan secara holistik dalam menjalankan tanggungjawab dan harapan dalam menguruskan kesarjanaan ilmu dan keterampilan sahsiah dari pelbagai aspek seperti kecemerlangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Melalui kesukarelawan ini harus diingat jatuh bangunnya generasi mendatang adalah impak terbesar dari generasi yang sedang kita bentuk kini. Keintelektualan dan kehebatan budi pekerti wajar dibina dan dilatih dengan inovatif agar mampu mengadaptasi sepenuhnya ciri kepimpinan dalam semua tindakan memandangkan mereka adalah peneraju kepimpinan negara pada hari esok.



# *Fiqh Al-Waqi' & Fiqh Al-Muwazanat*

Oleh: Siti Nur Husna binti Abd Rahman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan

## PENGENALAN

Transformasi hukum Islam bagi menjawab persoalan hidup semasa dalam masyarakat Islam hari ini sangat diperlukan. Di bawah pengaruh dunia baru dengan segala kemajuannya baik dari segi ekonomi, sosial maupun sains dan teknologi serta semua perkara dalam kehidupan moden sekarang ini telah banyak berubah. Oleh itu, perkembangan *Fiqh Waqi'* dan *Fiqh Muwazzanat* merupakan jalan yang sesuai bagi menjawab persoalan dan memudahkan urusan umat Islam berlandaskan syariat Islam. Dr Yusuf al-Qaradawi menyebut "Setiap zaman ada persoalannya sendiri, ada kejadian sendiri dan ada keperluan sendiri. Bumi ini berputar, cakerawala beredar, alam bergerak dan jarum jam tidak pernah berhenti" (Mahmood Zuhdi Abdul Majid 2010).

## METODOLOGI

Data kajian ini diperoleh daripada sumber primer dan sumber sekunder berbentuk tekstual. Antaranya ialah kitab-kitab fiqh yang membahaskan pandangan fuqaha tentang jual beli, al-Quran dan hadis sebagai dalil untuk menguatkan pandangan mereka, buku-buku ilmiah, jurnal, tesis, dan portal-portal rasmi dilaman sesawang sebagai rujukan dan panduan. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis kandungan.

## FIQH AL-WAQI'

Fiqh bererti ilmu manakala *al-waqi'* pula diertikan sebagai kenyataan atau kebenaran. Dan apabila digabungkan ia akan membawa maksud ilmu kenyataan atau ilmu kebenaran. Namun, apabila difahami dengan lebih mendalam ia membawa maksud kefahaman yang mendalam tentang realiti hidup. Ia juga boleh terbina melalui pembacaan, penelitian, penyelidikan yang ilmiah tentang realiti hidup semasa dalam pelbagai aspek yang berkaitan kehidupan (Paizah Ismail, 1999).

Banyak prinsip dalam al-Quran dan as-Sunnah ini menganjurkan supaya dirujuk dengan realiti semasa. Bahkan, dalam beberapa perkara, tahap kefahaman sesuatu nas dan objektif syarak juga turut mengambil kira kefahaman terhadap realiti hidup semasa. Fiqh waqi' merupakan ilmu yang melibatkan tentang pemahaman terhadap sesuatu isu-isu semasa yang boleh memberi kesan kepada masyarakat dan negara. Berdasarkan hukum ijtihadiyyah tersebut, sumber dan sandaran untuk kemaslahatan akan berubah mengikut perubahan zaman dan keadaan semasa.

## DALIL YANG DIGUNAKAN SEBAGAI DASAR PEMIKIRAN FIQH AL-WAQI'

Setiap sesuatu perkara semestinya dilaksanakan berdasarkan dalil yang telah dijadikan sebagai dasarnya. Oleh yang demikian, untuk menetapkan dan melaksanakan *fiqh al-waqi'*, maka asasnya adalah al-Quran dan as-Sunnah kerana kedua-duanya adalah petunjuk, penjelasan, penerangan apabila berhadapan dengan *waqi'*. Firman Allah Taala :

وَأَنِّي أَحْكُمُ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَشْيَعْ أَهْوَاءُهُمْ

Maksudnya: *Dan hendaklah engkau berhukum antara mereka dengan apa yang telah diturunkan Allah dan janganlah turut hawa nafsu mereka*". (Surah Al-Maidah: 49)

Selain itu, hujah ini dikuatkan lagi dengan dalil yang lain dengan mengamalkan *fiqh al-waqi'* sebagaimana yang dituntut dan dilaksanakan mengikut manhaj yang dilalui oleh *as-salafus soleh* supaya berpegang dengan al-Quran. Firman Allah taala:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّمَا أَرْنَاكُ اللَّهُ

Maksudnya: *"Sesungguhnya telah kami turunkan (al-Quran) kepadamu agar kamu berhukum antara mereka dengan apa yang diperlihatkan Allah kepadamu"*. (Surah An-Nisa', 105)

Berdasarkan kepada kedua-dua dalil ini, menunjukkan bahawa kejadian atau situasi (*waqi'*) yang berlaku mestilah merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah untuk memenuhi kehendak *fiqh waqi'* yang sebenar.

## PENJELASAN ULAMA TENTANG FIQH AL-WAQI'

Secara ringkas, *fiqh al-waqi'* dapat kita fahami dengan jelas lagi apabila kita mengajinya dengan lebih mendalam sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Qayyim *rahimahullah*, beliau berkata;

وَلَا يَمْكُنُ الْمُفْتَوِيُّ وَلَا الْحَاكِمُ مِنَ الْفَتَوَى وَالْحُكْمِ بِالْحَقِّ إِلَّا بِتَوْعِينٍ مِنَ الْفَهْمِ

Maksudnya : *"Seseorang mufti atau hakim tidak akan mampu berfatwa dan mengeluarkan (memutuskan) hukum kecuali setelah memahami (waqi'/kenyataan) kecuali dengan dua (jenis) pemahaman"*

أَحَدُهُمَا : فَهْمُ الْوَاقِعِ ، وَالْفِقْهُ فِيهِ ، وَاسْتِبْاطُ عِلْمٍ حَقِيقَتِهِ مَا وَقَعَ بِالْقُرَائِينِ  
وَالْأَمَارَاتِ وَالْعَلَمَاتِ حَتَّى يُجِيَطَ بِهِ عِلْمًا

Maksudnya : "Pertama: Memahami (tahu dan mengerti) tentang *waqi'* (kejadian atau situasi), dan berilmu tentang ilmu hakikat (kejadian atau situasi yang sedang berlaku pada masyarakat). Kemudian mampu membuat keputusan secara hakikat yang sebenarnya dari kejadian tersebut, disertai dengan pembuktian-pembuktian, tanda-tanda dan ciri-cirinya sehingga dirinya menguasai ilmu tersebut".

وَالثَّوْعُ الثَّانِي: فَهْمُ الْأَوَابِ فِي الْوَاقِعِ : وَهُوَ فَهْمُ حُكْمِ اللَّهِ الَّذِي حَكَمَ بِهِ فِي كِتَابِهِ  
أَوْ عَلَى لِسَانِ رَسُولِهِ فِي هَذَا الْوَاقِعِ

Maksudnya: "Kedua: memahami (menguasai) ilmu yang wajib yang berkaitan dengan *waqi'* (situasi atau keadaan). Iaitu memahami hukum-hukum Allah di dalam al-Quran dan lisan (Sunnah) Rasul-Nya yang dengannya Allah telah menentukan sesuatu hukum berdasarkan kejadian atau keadaan yang berlaku".

Berdasarkan pandangan beliau ini, seorang yang alim seharusnya dituntut supaya menguasai *fiqh al-waqi'* dan sentiasa mendalaminya agar sesuatu peristiwa diputuskan berdasarkan al-Quran dan as-sunnah berdasarkan ketetapan Allah dan RasulNya serta mampu menerapkan keduanya pada permasalahan yang berlaku pada ketika itu.

### CIRI-CIRI YANG PERLU ADA PADA SESEORANG SEBELUM MENGELOUARKAN SESUATU HUKUM ATAU TINDAKAN BERDASARKAN FIQH AL-WAQI'

Apabila seseorang ingin mengeluarkan sesuatu hukum khususnya para alim ulama, maka mereka mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut ;

- i. Bersifat qana'ah serta memahami tentang kepentingannya
- ii. Berpandukan sumber syarak sebelum mengeluarkan hukum iaitu meneliti situasi berlaku dan merujuk sumber syarak
- iii. Berterusan mengkaji dan mendalami kemunculan peristiwa yang baru
- iv. Sentiasa peka dengan perkara baru yang berlaku setiap masa
- v. Berhikmah dalam memilih sumber yang pelbagai supaya situasi yang berlaku berkait dan sesuai dengan sumber yang dipilih.

Selain itu, dalam mengeluarkan sesuatu hukum, seseorang juga perlu melaksanakan secara berperingkat iaitu dengan mengetahui berita atau maklumat dengan teliti, membuat perbandingan dan hubung kait antara peristiwa serta menganalisis segala maklumat untuk memperoleh keputusan dengan mengaitkan dengan al-Quran dan as-Sunnah dan seterusnya menetapkan hukum dengan tepat.

Aplikasi disiplin ini dapat dilihat menerusi usaha dakwah iaitu menerusi pendekatan dan kaedah pendakwah kepada sasaran dakwahnya yang pelbagai. Ceramah yang diberikan kepada masyarakat di luar bandar berbeza dengan ceramah kepada orang bandar yang lebih intelek atau berdakwah kepada golongan tua berbeza dengan berdakwah kepada golongan mahasiswa atau pelajar. Ataupun berdakwah kepada

orang asli tidak sesuai dengan ceramah agama atau menulis nota sebaliknya mereka didekati dengan menyediakan jamuan makan, memberi sumbangan atau hadiah ataupun mengajar mereka beribadat melalui tunjuk cara dan praktikal.

Oleh yang demikian, jika dilihat dari konteks ini, *fiqh al-waqi'* sangat diperlukan bagi memastikan dakwah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya dapat mencapai matlamat dakwah tersebut. Inilah yang dimaksudkan dengan memahami realiti semasa (*waqi'*).

### FIQH AL-MUWAZANAT

Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2010) *fiqh* bererti faham, sama ada secara mendalam atau mendatar. Maksud *muwazanat* ialah pertimbangan. Manakala *fiqh muwazanat* merujuk kepada kefahaman dan keupayaan dalam menyeimbangkan antara *maslahah* dan *mafsadah* sesuatu perkara apabila berlakunya pertembungan antara keduanya (Hasan, 2013). Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2010) *Fiqh Muwazanat* dimaksudkan kemahiran membuat perbandingan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain.

Menurut Syeikh Yusuf Al-Qaradawi, terdapat tiga perkara yang utama dalam *fiqh muwazanat* iaitu : (Mahmood Zuhdi Abdul Majid 2010).

- i. Pertembungan antara dua maslahah
- ii. Pertembungan antara dua mudarat
- iii. Pertembungan antara maslahah dan mudarat

### PERTEMBUNGAN ANTARA DUA MASLAHAH

Apabila berlaku pertembungan antara dua maslahah (kebaikan), hendaklah membuat perbandingan untuk memilih yang terbaik antara yang terbaik dengan mengutamakan perkara yang mendatangkan kebaikan yang lebih besar dari perkara yang boleh mendatangkan kebaikan yang kecil (al-Qaradawi 2015).

Ulama usul fiqh menetapkan asas kemaslahatan terbahagi kepada tiga iaitu *dharuriyyat* (amat perlu, darurat), *Hajiyat* (keperluan), dan *Tahsiniyyat* (kehendak) (Hasan 2013). Apabila berlaku pertembungan antara *dharuriyat* dan *hajiyat* maka *dharuriyyat* hendaklah diutamakan kerana mengikut pertimbangan *dharuriyyat* lebih penting dari *hajiyat*. Para ulama membahagikan *dharuriyyat* kepada lima iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta (al-Qaradawi, 2015). Sebahagian ulama menambah *dharuriyyat* keenam iaitu kehormatan. Agama merupakan perkara paling penting dan mesti diutamakan daripada semua perkara *dharuriyyat* yang lain.

Menurut al-Qaradawi (2015) Dalam memberikan pertimbangan terhadap pelbagai kepentingan ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah:

1. Kepentingan yang diyakini berlaku mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan yang *maznunah* (perkara yang disangka akan berlaku) atau *mauhumah* (perkara yang dianggarkan berlaku).
2. Kepentingan yang besar mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan yang kecil.
3. Kepentingan yang ramai mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan individu.
4. Kepentingan yang banyak mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan yang sedikit.
5. Kepentingan yang berkekalan mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan bersifat sementara.

- Kepentingan yang teras dan asas mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan bersifat sampingan dan tidak penting.
- Kepentingan masa depan yang kuat mestilah diutamakan berbanding dengan kepentingan waktu kini yang lemah.

Contohnya dalam perjanjian Hudaibiyyah Rasulullah SAW lebih mendahuluikan kepentingan masa depan yang kuat dan asas berbanding dengan kepentingan bersifat sementara. Nabi Muhammad SAW mendahuluikan kepentingan masa depan yang lebih penting berbanding perkara yang tidak penting seperti menerima syarat-syarat yang dianggap berat sebelah dan tidak memihak kepada kaum muslimin, menyebabkan kaum muslimin menerima bahagian yang sedikit.

Begitu juga Rasulullah SAW bersetuju menghapuskan perkataan *bismillah* pada surat perjanjian dengan *bismika allahumma* dan menghapuskan sifat rasul yang tertulis pada nama Nabi Muhammad dengan kalimah Muhammad bin Abdullah. Hakikatnya, dengan termeterainya Perjanjian Hudaibiyyah, Rasulullah SAW dan para sahabat dapat menyebarkan risalah Islam dan Rasulullah SAW mengajak raja-raja di dunia pada waktu itu memeluk agama Islam.

## **PERTEMBUNGAN ANTARA DUA MUDHARAT**

Pertembungan antara dua mudarat juga mempunyai peringkat. Mudarat pada perkara *dharuriyat* adalah lebih diutamakan berbanding mudarat pada perkara *hajiyyat* ataupun *tahsiniyyat*. Kerosakan yang membahayakan harta benda lebih rendah kedudukannya berbanding dengan nyawa, dan menjaga nyawa lebih rendah kedudukannya berbanding membahayakan agama dan aqidah (al-Qaradawi, 2015). Oleh itu, para ulama Usul Fiqh telah mengambil beberapa kaedah penting berkaitan hukum. Antaranya seperti berikut:

- Tiada kemudarat dan tidak boleh memudaratkan (لا ضرر ولا ضرار)
- Suatu kemudarat harus disingkirkan secepat mungkin (الضرر يزال بقدر الامكان)
- Kemudarat tidak boleh dihilangkan dengan kemudarat yang sepadan atau lebih besar (الضرر لا يزال بضرر مثله أو أكبر منه)
- Apabila bertembung antara dua kemudarat hendaklah memilih mudarat yang lebih ringan (يرتكب أخف الضررين وأهون الشررين)
- Harus melakukan kemudarat yang sedikit bagi mengelak kemudarat yang besar (يتحملضرر الأدنى لدفعضرر الأعلى)
- Harus melakukan kemudarat yang bersifat khusus bagi mengelak kemudarat yang lebih luas dan umum (يتحملضررالخاص لدفعضرر العام)

## **PERTEMBUNGAN ANTARA MASLAHAH DAN MUDARAT**

Apabila pertembungan antara mudarat dan maslahat berlaku dalam sesuatu perkara, secara pertimbangannya hendaklah memilih *maslahah* dan menolak yang *mudarat*. Sekiranya sesuatu perkara itu mempunyai mudarat yang lebih berat berbanding dengan manfaat, perkara tersebut hendaklah ditegah. Hal ini kerana jika *mudarat* lebih banyak daripada manfaat, manfaat yang sedikit hendaklah diabaikan (al-Qaradawi, 2015).

Contohnya Yusuf al-Qaradawi telah mengkritik mengenai satu fatwa yang memutuskan memilih Ayub Khan sebagai pemimpin Pakistan berbanding Fatimah Jinnah berdasarkan

faktor wanita. Menurut al-Qaradawi melalui pendekatan *fiqh muwazanat* (pertimbangan) memilih pemimpin yang lebih adil adalah lebih diutamakan walaupun ia melibatkan seorang wanita. Hal ini bertujuan menyeimbangkan antara *maslahah* dan *mafsadah*. Beliau berpandangan, pemimpin wanita yang adil adalah lebih baik dan diutamakan berbanding pemimpin lelaki yang zalim (Hasan 2013).

Antara contoh lain ialah dalam perkara arak dan judi. Walaupun arak dan judi boleh memberi manfaat seperti arak boleh memanaskan badan dan judi boleh menyebabkan seseorang itu menjadi kaya. Namun begitu manfaatnya lebih kecil berbanding dengan kerosakan dan mudarat yang timbul darinya. Seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran dalam Surah al-Baqarah, ayat 219 yang bermaksud “Mereka bertanya tentang arak dan judi kepadamu (wahai Muhammad). Katakanlah, terdapat pada arak dan judi itu ada dosa yang besar dan manfaat untuk manusia, tetapi pada kedua-duanya dosa lebih besar daripada manfaatnya”. Sekiranya dalam sesuatu perkara terdapat manfaat lebih besar, maka kemudaratannya yang kecil boleh diabaikan.

Antara kaedah-kaedah penting dalam perkara tersebut ialah:

- Menolak kemudarat lebih utama daripada mengambil manfaat (درء المفسدة مقدم على جلب المصالح)
- Kemudarat kecil dimaafkan bagi mendapatkan manfaat (المفسدة الصغيرة تغفر من أجل المصلحة الكبيرة)
- Kemudarat yang sementara dimaafkan untuk kepentingan yang bersifat berterusan (المفسدة العارضة من أجل المصلحة الدائمة)
- Kepentingan yang pasti akan berlaku tidak boleh ditinggalkan kerana terdapat kemudarat yang difikirkan atau dianggarkan akan berlaku (لا ترك مصلحة محققة من أجل مفسدة متوجهة)

## **KESIMPULAN**

*Fiqh al-waqi'* dan *fiqh al-muwazanat* adalah sangat penting dan bermanfaat dalam realiti kehidupan umat Islam terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Siyasah al-Syar'iyyah (menjalani kehidupan di dunia berlandaskan Syariat Islam) kerana ianya merupakan dasar dalam sosiopolitik umat Islam. Memahami *Fiqh waqi'* dan *fiqh Muwazanat* juga sangat membantu kita untuk memahami fiqh keutamaan (*Fiqh Al-Awlaviyyat*) kerana ia mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

## **RUJUKAN**

- al-Qur'an al-Karim.  
 al-Qaradawi, Y. (2015). *Fiqh Keutamaan*.  
 al-Qaradawi, Y. (1999). *As-Siasah As-Syariyyah Fi Nusus As-Syariah Wamaqasidiha*. Beirut  
 al-Syathibi, al-ITisham, yang disunting oleh Fathurrahman Djamil  
 Abdus Salam, *Fiqhul Aulawiyat Fi Zilal Maqasid As-Syariah Islamiyyah*  
 Hasan, Z. (2013). Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. Gjat, 3(1), 51–66.  
 Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2010). Transformasi Fikah Semasa.  
 Mustafa Ahmad al-Zarqa (1988), *Istislah wa al-Masalih al-Mursalah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa Usul Fiqhiha, Damsyiq*: Dar al-Qalam  
 Paizah Ismail (1999), “*Fiqh al-Awlaviyat*” dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*,

# Latihan Industri Membuka Minda Pelajar

Oleh: Noor Radhwa binti Marwan

Pelajar Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**JOHOR BAHRU** Pada 9 Ogos 2021 bermulanya latihan industri di syarikat Amici sebagai pelajar daripada jurusan Pengurusan Halal. Ia merupakan pengalaman yang berharga apabila dapat bekerja di dalam industri secara bersempena di musim pandemik ketika ini. Saya adalah seorang pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Namun memilih untuk bekerja di tempat kelahiran sendiri iaitu Johor. Kos pengangkutan untuk ke Amici agak tinggi tetapi masih berdaya untuk meneruskan latihan industri sehingga selesai.



Latihan industri memberikan banyak manfaat kepada pelajar khususnya kepada saya di mana ia mendedahkan kepada pelajar terhadap teknologi terkini serta alam pekerjaan sebenar seperti menguruskan permohonan halal dan memastikan industri menjaga integriti halal. Amici Events & Catering Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan katering dan produk makanan. Ia mempunyai dua bahagian dapur dengan kaedah penyediaan tertentu iaitu 'hot kitchen' dan 'cold kitchen'. Disebabkan musim pandemik, maka hanya 'cold kitchen' yang beroperasi untuk menghasilkan produk pastri dan bakeri. Amici Malaysia ini mempunyai ibu pejabat di Singapura.

Terlibat dalam permohonan baru Halal, menjaga keperluan IHCS, mengemaskini dokumentasi Halal, memastikan semua pekerja dapur mematuhi piawaian keselamatan makanan dengan ketat dan sebagainya adalah di antara dekripsi kerja yang dilakukan di Amici sepanjang tempoh praktikal. Banyak perkara baru yang dapat dipelajari di Amici, antaranya adalah mempelajari cara mengemaskini dokumen halal, mengemaskini sijil halal bahan mentah yang



telah tamat tarikh luput daripada pembekal, membuat pemeriksaan ke atas setiap bahan mentah di dapur, *dry storage room*, *chiller room* dan *freezer room*. Selain itu, membina rekod yang diperlukan berdasarkan standard halal, berpengalaman untuk berbincang bersama perunding halal dari Global Haltech, menguruskan serta memantau perkhidmatan pembersihan di premis dan kursus pengendalian makanan yang diadakan untuk pekerja dapur.

Di samping itu, dari sudut komunikasi dan kemahiran bersosial di tempat kerja, saya telah mempelajari ilmu baru di mana apabila kita tidak tahu dan ragu-ragu mengenai sesuatu, jawapan 'maaf, izinkan saya semak terlebih dahulu, sekiranya jelas saya akan maklumkan semula' merupakan ucapan yang lebih tepat berbanding mengucapkan 'saya tidak tahu'. Oleh itu, setiap perkara baru ataupun teguran yang diterima semasa bekerja perlulah diterima baik dan diambil iktibar untuk membentuk diri yang lebih baik di masa akan datang.



# WEBINAR PELAJAR ANTARABANGSA 2021

Oleh: Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan

**REMBAU** 19 Disember 2021. Kursus Khidmat Masyarakat II (HPD233) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dengan kerjasama Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan, Yayasan Bunga Raya, Briged Sukarelawan dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan satu program Webinar Pelajar Antarabangsa 2021 secara maya pada 19hb Disember lepas. Program yang berlangsung pada pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini mendapat sentuhan daripada En Wan Muhammad Wan Ibrahim Pengurus Jabatan Pengurusan Daie dan Sukarelawan, Hidayah Center Foundation, dan Puan Norhidayah bt Mohd Rosely, Peguam Syarie Firma Tetuan Aimi dan Najwa Associates. Terdapat lebih 82 orang peserta yang menyertai webinar ini terdiri daripada pelajar UiTM Rembau, orang awam serta peserta daripada luar negara iaitu daripada Hong Kong.



Program ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Rosemawati bt Ali Ketua Wanita IKRAM Negeri Sembilan. Dalam ucapannya, beliau mengajak masyarakat agar cakna tentang isu terkini iaitu 'Advokasi Gangguan Seksual' yang menuntut pengadilan bagi mangsa. Mangsa yang trauma akan menghadapi tekanan berpanjangan sekiranya mangsa tidak dibela manakala si pemangsa dilepaskan begitu sahaja. Gangguan seksual ini jangan dipandang remeh kerana ia akan menjadi barah dalam masyarakat. Antara objektif program adalah memberi kesedaran tentang aktiviti kemasyarakatan dan program sukarelawan, mendedahkan cara-cara menceburi bidang penulisan dan mengetengahkan bidang advokasi kesejahteraan mental dan spiritual.

Sebelum program berlangsung terdapat pelajar Kursus Khidmat Masyarakat yang telah dilanda banjir di kawasan tempat tinggal dan terdapat juga pelajar-pelajar yang terkandas di Shah Alam yang kemudiannya telah ditempatkan di Dewan Panasonic. Program yang dikendalikan selama dua jam ini dengan tiga pusingan kupasan daripada panel jemputan telah membincangkan aktiviti khidmat masyarakat seperti sukarelawan, khidmat komuniti dan tips menarik anak muda untuk menjadi sukarelawan terutama dalam badan swasta seperti Hidayah Center Foundation yang mempunyai sukarelawan-sukarelawan daripada pelbagai bangsa.

Selain itu, Encik Wan Muhammad Wan Ibrahim juga telah berkongsi teknik penulisan berdasarkan buku yang telah diterbitkan pada tahun ini berjudul Aku, Dakwah dan Dunia.



Selain itu, Encik Wan Muhammad Wan Ibrahim juga telah berkongsi teknik penulisan berdasarkan buku yang telah diterbitkan pada tahun ini berjudul Aku, Dakwah dan Dunia. Puan Norhidayah Mohd Rosely pula mengupas mengenai isu advokasi kesejahteraan mental dan spiritual iaitu punca-punca keganasan seksual dan keganasan rumah tangga seperti kes-kes yang dikendalikan di mahkamah sehingga terdapat mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang ingin membunuh diri disebabkan mengalami masalah kewangan, pasangannya menagih dedad dan masalah mental yang tidak terkawal. Justeru, Puan Norhidayah berpesan kepada semua pelajar supaya membuat aduan sekiranya terdapat kes-kes keganasan di sekitar mereka dan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya terdapat keluarga yang bermasalah, isu keganasan seksual dan sebagainya. Pusingan terakhir adalah sesi soal jawab daripada pelajar Khidmat Komuniti dan terdapat kuiz kemasyarakatan, penulisan dan advokasi yang menobatkan 3 pemenang seperti berikut:

Tempat pertama : Putri Ariena Zaheera Mohamad  
Tempat kedua : Noraina Nabilah Shahabudin  
Tempat ketiga : Nur Syahirah Abdul Ghani

Hasil daripada borang maklum balas pelajar mendapat 100% pelajar dapat memahami berkenaan bidang sukarelawan dan ingin membantu masyarakat untuk menjadi sukarelawan serta mengetahui tindakan-tindakan yang perlu diambil sekiranya menghadapi keganasan seksual. Selain itu, pelajar juga berharap agar program ini dapat diteruskan dengan program secara praktikal. Apa yang menarik terdapat juga pelajar non muslim di dalam program ini yang datang dari Sabah dan Sarawak.

Penasihat program iaitu Ustazah Suhaila Sharil menyatakan dengan adanya program seperti ini dapat memupuk semangat pelajar untuk menjadi sukarelawan seterusnya menyumbang kepada masyarakat serta mengambil tahu mengenai isu-isu advokasi kesejahteraan mental dan spiritual seperti kempen "Katakan Tidak Kepada Keganasan Seksual". Susulan daripada program ini pelajar-pelajar Khidmat Masyarakat akan turun padang untuk membantu masyarakat di sekitar Rembau dengan menyumbang tenaga untuk memberi sumbangan barang keperluan dapur dan membantu mangsa-mangsa banjir. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan yang banyak membantu pelajar UiTM Kampus Rembau, Yayasan Bunga Raya serta Jabatan Kebajikan Masyarakat di atas kerjasama yang tidak terhingga demi memupuk minat pelajar terhadap aktiviti sukarelawan dan advokasi kesejahteraan mental dan spiritual.

#webinarpelajarantarabangsa2021  
#katakan tidak kepada keganasan seksual  
#sukarelawan